

CNS8692

U GB 17-12 00179 DA118

bah

+SMART CARD+ UNTUK MUDAHKAN URUSAN IMIGRESEN

Mahathir - Kad

KUALA LUMPUR, 17 Dis. (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata kerajaan ak'an memperkenalkan penggunaan +Smart Cards secepat mungkin bagi memudahkan proses imigresen bagi mereka yang sering keluar masuk negara ini untuk urusan tertentu.

Menurut Perdana Menteri, pengeluaran kad itu tidak hanya terbatas kepada rakyat Malaysia tetapi juga warganegara asing yang perlu kerap memasuki negara ini untuk urusan perniagaan dan sebagainya.

Melalui penggunaan kad itu, pemegangnya boleh memasuki Malaysia dengan lebih mudah tanpa perlu menjalani pemeriksaan passport seperti biasa kerana kad tersebut, yang akan dimasukkan ke dalam mesin khas, akan mencatatkan kemasukannya ke negara ini, katanya.

Bagaimanapun, bukan semua yang memohon akan diberikan kad ini kerana ia merupakan satu keistimewaan, katanya kepada pemberita selepas menyampaikan Anugerah Kualiti Perdana Menteri 1991 di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

+Tumpuan akan diberikan kepada orang yang kerap datang ke sini kerana urusan tertentu dan kerajaan akan mengkaji jenis orang yang akan diberikan Smart Card + -- Lagi.

♥17/12/14-17MST

CNS8693

U GB 17-12 00123 BA119

bah

Mahathir - Kad 2 Kuala Lumpur

Usaha itu perlu diambil bagi memastikan kemasukan mereka ke negara ini mematuhi ciri-ciri keselamatan yang diperlukan, kata beliau.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata kad itu tidak akan mengambil alih fungsi passport kerana jika didapati perlu, dokumen perjalanan itu akan diperiksa sekiranya terdapat sebab-sebab yang munasabah.

Beliau berkata beliau telah mengarahkan kajian mengenai penggunaan kad seperti itu dijalankan dua bulan lepas.

Jabatan Imigresen sedang mengkaji jenis kad yang akan digunakan serta sama ada penggunaannya masih perlu mengisi kad pendaratan sebelum memasuki negara ini.

Disamping itu, katanya, jabatan itu juga perlu menyediakan mesin-mesin khas serta laluan berasingan di pusat-pusat pemeriksaan bagi pemegang kad itu untuk memudahkan urusan kemasukan mereka. -- Lagi.

♥17/12/14-18MST

CNS8694

U GB 17-12 00067 BA120

bah

Mahathir - Kad 3 Kuala Lumpur

Beliau berkata semua kos untuk mengeluarkan kad itu akan ditanggung sendiri oleh pemegangnya.

Mengenai anugerah itu, Datuk Seri Dr Mahathir berkata beliau mendapati bahawa semua pihak di negara ini kini memberi penekanan kepada kualiti dan sentiasa berusaha meningkatkan mutu kerja.

+Ini alamat baik bagi masa depan negara,+ katanya. -- Lagi.

♥17/12/14-23MST

Sebagai contoh, katanya, kerajaan sudah menyusun cara-cara yang lebih kemas bagi membolehkan tindakan disiplin diambil terhadap kakitangan yang melakukan kesalahan.

Perdana Menteri berkata, usaha itu diambil setelah mendapati mereka yang menganggotai lembaga disiplin tidak begitu berminat bertindak terhadap mereka yang melanggar peraturan kerana bimbang tindakan mahkamah akan diambil terhadap mereka.

Keadaan ini berlaku kerana peraturan-peraturan disiplin yang ada sebelum ini tidak lengkap dan ini menyebabkan tindakan yang dikenakan diketepikan oleh mahkamah, katanya.

Tiga pemenang Anugerah Kualiti tahun ini ialah Institut Penyelidikan Getah Malaysia bagi kategori sektor awam, Syarikat Motorola Malaysia Sdn. Bhd (swasta) dan Persatuan Bulan Sabit Merah (sosial).

Menteri Belia dan Sukan Haji Annuar Musa dalam ucapannya berkatamulai tahun depan penekanan terhadap kualiti akan turut diberikan kepada beberapa aspek tertentu termasuk meningkatkan kesedaran kepada syarikat-syarikat sederhana dan kecil.

Haji Annuar, yang juga pengerusi majlis tertinggi gerakan budaya kerja cemerlang, berkata sebanyak 19 jabatan dan agensi sektor awam calonkan bagi anugerah itu, 12 bagi swasta dan enam bagi kategori sektor sosial. — Bernama.